

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : LAKSAMANA PERTAMA  
MOHAMAD IMRAN BIN ABDUL  
HAMID (B)  
[LUMUT]**

**NO. SOALAN : 490**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH** menyatakan bolehkah Kerajaan memperkenalkan Industri Kecil dan Sederhana di kawasan kampung-kampung baru di Simpang Dua, Simpang Tiga (Pekan Gurney) dan Simpang Lima dalam Parlimen Lumut pada tahun semasa (2015).

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Antara bantuan yang diberikan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) kepada masyarakat dan usahawan desa bagi mempergiatkan Industri Kecil dan Sederhana adalah melalui program-program berikut:

1. Program ***Rural Business Challenge (RBC)*** yang memfokuskan penglibatan usahawan belia luar bandar berkonsepkan pertandingan penyediaan rancangan perniagaan. Tujuan program ini adalah untuk menggalakkan usahawan-usahawan muda dalam membangunkan aktiviti ekonomi di luar bandar.
2. Selain daripada itu, KKLW juga sedang melaksanakan **Program Desa Lestari** ke arah mencapai matlamat bagi meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar. Sehingga kini sebanyak 42 kampung telah pun melaksanakan projek-projek ekonomi di bawah Program Desa Lestari. Bagi tahun 2015, 15 buah kampung lagi akan dimajukan dengan aktiviti perniagaan dan ekonomi untuk menjana pendapatan.

3. Selain daripada bantuan berbentuk geran, KKLW juga menawarkan bantuan kewangan kepada usahawan desa dalam bentuk pembiayaan perniagaan melalui **Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED)**. Skim ini menyediakan pembiayaan kepada usahawan Bumiputera di luar bandar yang menjalankan perniagaan dalam bidang pembuatan, perkhidmatan, pertanian komersil dan pelancongan desa. Skim ini tidak mengenakan syarat cagaran. SPED dilaksanakan melalui dua bank iaitu Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) dan Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank).